KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JMG			



ALAT pengesan pergerakan tanah dipasang di kawasan tanah runtuh di Jalan Bukit Permai 1, Ampang baru-baru ini.

Selangor tubuh pemantau cerun

SABAK BERNAM – Kerajaan negeri akan tubuhkan pasukan petugas dalam waktu terdekat bagi memantau cerun berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh di Selangor.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir. Izham Hashim, perkara tersebut sudah dibawa dalam Mesyuarat Exco Selangor.

Menurutnya, pasukan itu akan bekerjasama dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berikutan kejadian tanah runtuh dianggap isu serius yang perlu ditangani segera dan secara menyeluruh.

"Kita juga akan mengadakan mesyuarat khas tentang cerun disebabkan isu ini tidak diselaraskan sama ada di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian dan Lawatan ke Kelong Paradise Sabak Bernam di sini semalam.

Izham berkata, selain itu, kerajaan negeri juga mengadakan kerjasama dengan anak syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB), SELGEM Sdn. Bhd. (SELGEM) yang akan membuat kajian untuk melihat cerun yang berpotensi dan berisiko runtuh.

Katanya lagi, faktor hujan berterusan dan tidak menentu menyebabkan sebahagian cerun di sesetengah kawasan mulai longgar dan berpotensi mengalami kejadian tanah runtuh.

"Jadi perkara ini kita perlu buat kajian bagi memastikan kategori kritikal ini diberi keutamaan segera," katanya.

Terdahulu, kerajaan negeri mengenal pasti lebih 150 cerun berisiko tinggi untuk berlaku tanah runtuh terutama sekitar Gombak, Ampang dan Hulu Langat.